

07 AUG 2002

RAJA MUDA PERAK RASMI KEJOHANAN BADMINTON PIALA PERDANA

IPOH, 7 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 114 peserta yang mewakili 12 persatuan isteri wakil-wakil rakyat dari seluruh negara mengambil bahagian dalam Kejohanan Badminton ke-17 Piala Perdana 2002 di Stadium Indera Mulia di sini hari ini.

Kejohanan empat itu dirasmikan oleh Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah pada majlis yang turut dihadiri Menteri Besar Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali dan ketua jabatan-jabatan kerajaan.

Ia dianjurkan oleh Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri) buat kali kedua selaku tuan rumah.

Persatuan-persatuan yang mengambil bahagian ialah Bakti dari Kuala Lumpur, Baidunita (Perlis), Bakisa (Sabah), Balkis (Selangor), Bidara (Kedah), Bistari (Melaka), Bunga Tanjung (Pulau Pinang), Juita (Johor), Teratai (Pahang), Sabati (Sarawak) dan Pekerti (Negeri Sembilan).

Pada kejohanan tahun lepas, Bakisa muncul sebagai johan manakala Perak pula pernah menjulang piala berkenaan pada tahun 1995.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menutup kejohanan itu Sabtu ini.

-- BERNAMA

PBA ROS